



## **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

### **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**“KEPIMPINAN YANG DIBERKATI”**

**Tarikh Dibaca :**

**14 ZULKAEDAH 1442H/  
25 JUN 2021M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

**“KEPIMPINAN YANG DIBERKATI”****14 ZULKAEDAH 1442H / 25 JUN 2021**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

قَالَ تَعَالٰى: أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ ﴿ وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ

خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الْدِمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ

وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا نَعْلَمُونَ ﴿ البُرْقَة: ٣٠ ﴾

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللّٰهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَعَمَّمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ اتَّقُوا اللّٰهَ أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “KEPIMPINAN YANG DIBERKATI”.

Khatib juga ingin berpesan kepada sidang Jemaah sekalian agar sentiasa mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan penularan wabak Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Jangan pernah alpa dan leka, kerana setiap kealpaan itu akan membuka ruang berlakunya jangkitan wabak.

Bagi yang telah mendaftar dan mendapat janji temu suntikan vaksin Covid-19, pastikan anda hadir ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Manakala bagi yang belum mendaftar pula, segeralah berbuat demikian kerana ini adalah antara ikhtiar kita untuk menyekat penularan wabak berbahaya ini di samping mencapai tahap imuniti berkelompok atau *herd immunity*.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Pemimpin dalam Islam diguna pakai dengan beberapa istilah seperti *Khalifah*, *Imam*, *Malik* dan *Tamkin* yang membawa maksud suatu institusi politik yang dikendalikan oleh pemimpin seperti khalifah, imam dan sebagainya berpandukan kehendak Islam bagi menjaga Islam sebagai agama, menjamin seluruh rakyat jelata yang bernaung di bawah kepimpinannya hidup dengan aman dan sejahtera.

Hakikatnya, keberadaan manusia sebagai salah satu makhluk ciptaan Tuhan di muka bumi ini mempunyai peranan penting dalam menjalankan fungsinya sebagai khalifah di muka bumi ini sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 30 yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

*“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): “Adakah Engkau (Wahai Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?”. Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya”.*

Perintah pertama meletakkan peranan manusia dalam menjalankan fungsinya sebagai khalifah Allah di atas muka bumi iaitu dengan memikul amanah dan kewajipan sebagai

penghuni dunia, sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam **Surah al-Ahzab ayat ke 72:**

﴿ إِنَّا عَرَضْنَا الْأُمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجَهَالُ فَأَبَيَتْ أَن يَحْمِلُنَا وَأَشْفَقَنَ مِنْهَا ﴾

وَحَمَلَهَا إِلَّا نَسْنُ إِنَّهُ كَانَ ظُلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

**Maksudnya:** “Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya) dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan”.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Memilih pemimpin untuk menguruskan hal ehwal Islam dan melaksanakan kemaslahatannya adalah wajib. Atas sebab inilah, Islam begitu memandang berat soal kepimpinan dalam semua peringkat kehidupan.

Sebagai pemimpin, tidak kira di peringkat keluarga, organisasi, komuniti masyarakat, apatah lagi sebuah negara, kita hendaklah melaksanakan tanggungjawab secara berhati-hati, selain melaksanakan tugas dan amanah dengan adil dan mengutamakan kebijakan orang-orang yang dipimpin.

Antara ciri utama sebagai pemimpin yang baik yang digariskan dalam syariat Islam ialah seperti berikut;

**Pertama;** Seseorang yang berupaya untuk menjaga agama dan menegakkan syariat Allah di atas muka bumi. Justeru, tugas dan amanah seorang pemimpin bukan sahaja memimpin manusia, malah sentiasa memelihara, menjaga dan melaksanakan syariat Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam **Surah al-Hajj ayat 41:**

الَّذِينَ إِنْ مَكَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَإِنْ تُوْا الْزَّكَوَةَ وَأَمْرُوا بِالْمَعْرُوفِ

وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عِدْقَبَةُ الْأَمْوَارِ

﴿٤١﴾

**Maksudnya:** “Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang daripada melakukan kejahanan dan perkara yang mungkar. (Ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan”.

**Kedua;** Seseorang yang memiliki ‘al-Quwwah’ iaitu kekuatan dari semua sudut, sama ada fizikal, spiritual dan mental. Dalam al-Quran, telah dijelaskan kisah dua anak perempuan Nabi Syu’ain meminta kepadanya agar memilih pekerja mengembala kambing daripada kalangan yang kuat bekerja dan amanah, inikan lagi soal pemimpin yang sudah tentu skop tanggungjawabnya lebih luas dan amanahnya sangat besar, memerlukan kekuatan dari pelbagai sudut dan bidang.

Firman Allah SWT dalam **Surah al-Qasas ayat 26:**

قَالَتِ إِحْدَاهُمَا يَتَأْبَتِ أَسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَجَرَتِ الْقَوْيُ الْأَمِينُ

﴿٢٦﴾

**Maksudnya:** “Salah seorang antara perempuan yang berdua itu berkata: “Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat lagi amanah”.

**Ketiga;** Seseorang yang memiliki sifat takwa, kerana ciri-ciri inilah yang menjamin seseorang pemimpin itu berintegriti dan takutkan Allah SWT dalam melaksanakan tugas-tugasnya.

Firman Allah SWT dalam **Surah al-Baqarah ayat 103:**

﴿ وَلَوْ أَنَّهُمْ ءَامَنُوا وَاتَّقُوا لَمَتُّوْبَةً مِنْ عِنْدِ اللَّهِ خَيْرٌ لَّوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴾

**Maksudnya:** “Dan seandainya mereka itu tetap beriman dan bertakwa, nescaya mereka akan mendapat pahala; sesungguhnya pahala dari sisi Allah itu adalah lebih baik, seandainya mereka mengetahuinya”.

**Keempat:** Seseorang pemimpin itu hendaklah tegas dan berpegang teguh kepada prinsip dalam melaksanakan amanah termasuklah mengambil tindakan sewajarnya dalam hal-hal berkaitan penguatkuasaan undang-undang terhadap pihak yang bersalah, sekalipun melibatkan ahli keluarga, kawan maupun lawan.

Hadis daripada Saidatina A'isyah *radhiyallahu 'anha* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَوْ أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ سَرَقَتْ لَقَطَعْتُ يَدَهَا.

**Mafhumnya:** “Sekiranya Fatimah binti Muhammad mencuri, nescaya aku akan memotong tangannya”. (*Hadis riwayat Imam al-Bukhari*)

**Kelima:** Seseorang pemimpin itu hendaklah berakhhlak, baik budi pekertinya dan menjadi teladan yang baik dalam semua tindakannya.

Hadis Nabi SAW:

مَا مِنْ عَبْدٍ يُسْتَرِعِيهِ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عَلَى رَعِيَّهِ يَمُوتُ يَوْمَ يَمُوتُ وَهُوَ غَاشٍ لِرَعِيَّتِهِ إِلَّا  
حَرَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ.

**Mafhumnya:** “Sesiapa yang diamanahkan oleh Allah untuk memimpin rakyat, lalu dia mati. Pada hari dia mati dalam keadaan menipu rakyatnya, maka Allah telah mengharamkan syurga untuknya”. (*Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim*)

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Berdasarkan kepada ciri-ciri tersebut, jelaslah kepada kita bahawa dalam soal kepimpinan, ia tidak boleh dilakukan secara sambil lewa sahaja. Setiap amanah dan tanggungjawab yang diletakkan di atas bahu seseorang pemimpin, hendaklah dilaksanakan dengan penuh integriti dan sepenuh hati berpandukan ciri-ciri yang ditetapkan dalam syariat Islam. Sekiranya ciri-ciri ini dapat diambil perhatian dan dilaksanakan pada setiap peringkat kepimpinan, natijahnya akan terhasil suatu kepimpinan yang diberkati dan diredhai oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT:

﴿ وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أَئِمَّةً يَهْدِونَ بِأَمْرِنَا لَمَّا صَبَرُوا وَكَانُوا بِإِيمَانِنَا يُوقِنُونَ ﴾ ﴿٢٤﴾

**Maksudnya:** “Dan Kami jadikan dari kalangan mereka beberapa pemimpin, yang membimbing kaum masing-masing kepada hukum agama kami, selama mereka bersikap sabar (dalam menjalankan tugas itu) serta mereka tetap yakin akan ayat-ayat keterangan kami.” (*Surah al-Sajadah ayat 24*)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَلِهٖ  
وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَن تَبَعَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَن سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْوَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى  
الَّذِي يَكِيدُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُمْ وَسَلَامُهُمْ تَسْلِيمًا﴾ الْأَخْرَاجِ: ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُحِيمِدٌ.

وَأَرْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ  
الْتَّابِعِينَ وَمَن تَبَعَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَأَرْضِ عَنْهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَى وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كَبَاوَهُ دُولِي يُشَحِّ مَهَا مُولِيَا  
سَرِيْ قَدْوَكَ بِكِينِدَا يُشَحِّ دَفْرَتوَانِ اكْنُوْغُ ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ المُصْطَفَى بِاللَّهِ  
شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِنِ بِاللَّهِ.

وَكَذِلِكَ كُبَاوَهْ دُولِي يَعِ مَهَا مُولِيا سَرِي ڦُدوُك بَكِينِدا رَاجْ فَرْمَايُوسِري اَكْوَغْ،  
تُونِكُو (Tunku) حَاجَهْ عَزِيزَةْ اَمِينَةْ مِيمُونَةْ إِسْكَنْدَرِيَّةْ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى  
الله سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عَلِمَاءَهُ وَوْزَرَاءَهُ وَقَضَاهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
يَا أَرَحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَاً مُطْمِئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّنْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْحَنَّ وَالْفَتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرَحَمَ  
الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .  
عِبَادَ اللهِ،

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَاتِ وَنَهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾ ٩٠ ﴿ النَّحْل﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَةِ يَزِيدُكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.